UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia




# MAKALAH PPUK

## SELAMAT DATANG KE UTHM

Selamat datang ke UTHM kepada semua mahasiswa diploma ambilan semester khas, sesi 2022/2023.




Tahniah di atas kejayaan menjejakkan kaki ke menara gading. Perjalanan masih jauh dan berliku sudah pasti. Rebut peluang keemasan ini untuk fokus pembangunan diri sebagai insan yang berilmu dan seimbang.

Kuatkan semangat kerana Allah SWT akan mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat berdasarkan firmanNya di dalam Al Quran:

"..Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat.." (Al-Mujadalah: 11)

Antara kelebihan lain bagi orang-orang yang menuntut ilmu seperti yang dijelaskan di dalam hadith Nabi SAW:

"Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan ke syurga..." (Hadith Riwayat Muslim: 4867)

Semoga diberi kejayaan yang cemerlang pada semua, Insha Allah.

**Prof. Madya Dr. Mohd Khir bin Mohd Nor**
**(Timbalan Dekan Kokurikulum, PPUK)**









# SESI TAKLIMAT PPUK MINGGU HALUAN SISWA (MHS) PELAJAR BAHARU DIPLOMA SESI 2022/2023

Sesi taklimat bersama PM. Dr. Mohd Khir bin Mohd Nor (Timbalan Dekan Kokurikulum) dan Dr. Ahmad Sharifuddin bin Mustapha (Ketua Jabatan Pengajian Islam) yang telah berlangsung pada 1 Ogos 2022 di Dewan A9, Kolej Kediaman Pagoh.











# JASAMU DIKENANG



Pada 31 Julai 2022 majlis penghargaan En. Akhmal Nur Azim bin Ahmad Nasri telah diadakan di kafeteria PPUK. Ribuan terima kasih kami ucapkan diatas khidmat bakti yang telah beliau curahkan di PPUK.












# BUDIMU DISANJUNG

Terima kasih Pn. Norfaizah binti Ismail di atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan sebagai Penolong Pendaftar Kanan di PPUK.

Selamat maju jaya ditempat baharu.



# SELAMAT DATANG

Selamat datang ke keluarga PPUK.!
Seluruh warga PPUK ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada En. Syed Mohammad Firus bin Syed Abdul Aziz.




# KETUA JABATAN SISWAZAH

Sekalung tahniah kepada Prof. Madya Dr. Khairunesa binti Isa di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan Siswazah, PPUK berkuatkuasa mulai 1 September 2022. Semoga perlantikan ini dijadikan sebagai pemangkin bagi kemajuan program siswazah di PPUK.






# PERSIDANGAN



Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Kali Ke-7 (INSAN-7) anjuran bersama Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan Institut Sosial Malaysia (ISM) telah dilaksanakan secara dalam talian pada 21 dan 22 September 2022 berpangkalan di Pusat Pembelajaran Maya, UTHM telah menghimpunkan 100 orang pembentang dan peserta dari dalam dan luar Malaysia.












PERSIDANGAN ANTARABANGSA
KELESTARIAN INSAN KE - 7

# KERJASAMA



8 Ogos 2022 - Kunjungan delegasi Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Kudus ke PPUK UTHM bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta meningkatkan aktiviti MoU yang telah berjalan. Kunjungan ini juga bertujuan bagi pengambilan data kajian yang telah dijalankan secara kerjasama antara Fakulti Usuluddin IAIN Kudus dengan PPUK UTHM.










Pemantauan Proses Sertu Industri di Industri Farmaseutikal di Melaka untuk Persijilan Halal telah dijalankan pada 2-3 Oktober 2022 di Perindustrian Cheng, Melaka oleh Dr. Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, Dr. Ahmad Sharifuddin Mustapha dan Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol.




Refleksi Kemerdekaan bersama Penasihat Undang-Undang UTHM telah berlangsung secara dalam talian pada 30 Ogos 2022. Pengisian program refleksi ini adalah seperti berikut Slot: Anda Cinta Negara? disampaikan oleh Dr. Harliana Binti Halim; Amanat Kemerdekaan oleh YBhg. Dekan PPUK iaitu Dr. Lutfan Bin Jaes; dan Refleksi Kemerdekaan Bersama Penasihat Undang-Undang UTHM Pn. Norliah Yaakub.










WACANA ILMIAH PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM

Realiti Aplikasi Produk Perbankan Islam Di Malaysia telah diadakan pada 8 September 2022 yang disampaikan oleh En Zainol Abidi Bin Bakar (Pengurus Bank Muamalat Malaysia Berhad Cawangan UTHM).







# BENGKEL



Bengkel penyediaan dokumen akreditasi penuh MQA02 program Doktor Falsafah (PLK) dan Sarjana Falsafah (KLK) bagi kod NEC 0300 (Sains Sosial) telah diadakan pada 17-18 Ogos 2022.





Sesi Coaching Kemasukan Maklumat Beban Akademik bersama Dr. Syahira Binti Mansur dari CAD UTHM telah berlangsung pada 25 September 2022 secara dalam talian.






15 Ogos 2022 - Sesi taklimat oleh pentadbir dan urusetia sistem ePangkat kepada staf akademik telah berlangsung di Bilik Mesyuarat PPUK.









Taklimat pelajar baharu pascasiswazah PPUK Semester I 2022/2023 telah berlangsung pada 29 September 2022 yang diadakan secara dalam talian. Selamat Maju Jaya kepada semua mahasiswa baharu pascasiswazah PPUK.



# LAWATAN

09 Ogos 2022 - Lawatan YBhg. Prof. Ts. Dr. Azme Bin Khamis (TNCAA, UTHM) ke ruang kuliah dan gunasama di bawah seliaan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum. Tujuan lawatan adalah untuk melihat keadaan ruang kuliah sebagai persediaan sebelum pelajar kembali ke kampus pada Semester I 2022/2023.







29 Ogos 2022 - Sesi pertemuan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mohd. Shahir Samsir bin Omar dengan ahli-ahli Focus Group ICC (Islamic Civilization & Culture) dan ISRAK (Islamic Revealed Knowledge) telah berlangsung di Bilik Mesyuarat PPUK.





# LAWATAN



Lawatan Prof. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM ke Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum telah diadakan pada 14 Ogos 2022 bertempat di Auditorium Galeri Ilmu, UTHM.



# PPUK PRIHATIN

11 Ogos 2022 - Menyantuni Puan Noor Shafiqah binti Mohamad Khawari, Pengajar Sambilan Kursus Kokurikulum Berkredit Bola Baling di kediaman beliau. Kami mendoakan semoga Puan Noor Shafiqah diberikan kesembuhan serta kesejahteraan yang berpanjangan.





# JERAYAWARA

29 September 2022. - Jerayawara promosi siswazah PPUK ke Majlis Agama Islam Daerah Segamat, Johor.






# TEMUBUAL PENGAJAR KKB



Sesi temubual calon-calon pengajar bagi Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) telah berlangsung pada 3-4hb Ogos 2022 di Bilik Mesyuarat PPUK, UTHM.










# AUDIT DALAMAN

12 – 15 September 2022 | PROGRAM AUDIT DALAMAN ISO & AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN UMUM DAN KOKURIKULUM 2022

Program Audit Dalaman ISO & Akademik PPUK UTHM 2022 telah selesai dengan jayanya. Terima kasih kepada semua staf PPUK yang terlibat secara langsung & tidak langsung serta komitmen yang diberikan sepanjang program dijalankan.




# PENCAPAIAN



Tahniah kepada staf akademik PPUK yang telah mencapai beberapa kejayaan sepanjang Julai hingga September 2022 dalam bidang penyelidikan, perkhidmatan dan inovasi. PPUK terus memacu kecemerlangan.



























# PENCAPAIAN



Tahniah PPUK!!

Tempat ke-3 pertandingan Sudut Tenaga @ PTJ anjuran Sustainable Campus Office-SCO UTHM.









# LANTIKAN AGENSI LUAR

Tahniah Dr. Khairol Anuar bin Kamri di atas pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Johor bagi sesi 2022-2024.





Editor:
Mohd Hairul bin Khamidun
Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari
Noranilfitri binti Md Nor
Mohd Suffian Bin Md Nor




Diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Promosi, Perhubungan Korporat dan Media PPUK
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia.
Tel: +607-453 7480
Email: ppuk@uthm.edu.my
Website:
https://ppuk.uthm.edu.my
https://kkb.uthm.edu.my